

Penterjemahan Berasaskan Khlayak: Konsep dan Pelaksanaan

Crowdsourcing Translation: Concept and Implementation

NOOR ASHIKIN ABD NASIR¹

*HASURIA CHE OMAR²

¹School of Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

²School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: hasuria@usm.my

Published online: 29 October 2021

To cite this article: Noor Ashikin Abd Nasir and Hasuria Che Omar. 2021. Penterjemahan berasaskan khlayak: Konsep dan pelaksanaan. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 28(2): 79–103. <https://doi.org/10.21315/kajh2021.28.2.4>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2021.28.2.4>

Abstract. *The development of the digital world has impacted translation activities significantly. It has enabled users to participate in translation activities widely through user-generated translation (UGT). The shift in the concept of translation from passive users-oriented to a wider concept of translation that considers the roles and contributions of text producers as well as readers, taking advantage of the development of Web 2.0, has taken users to a new level of translation through UGT. This article answers questions related to (1) the concept of user or audience-based translation (crowdsourcing translation), (2) the implementation of translation through the said method, and (3) its implications on the status statement of “professional” and “non-professional” translators based on the context of user/ crowd-based translation. Through qualitative-descriptive observations, the concept of translation is discussed, while the translation production procedures as well as the status tagging of translator’s status are examined through a case study on Flitto.com platform. The Theory of User/Crowd-Based Internal Model and the Crowd Community Model inform the discussion on the implementation of crowd-based translation procedures addressed in this article.*

Keywords and phrases: *web development, user generated translation, crowd-based translation, digital platform, professional and non-professional translators*

Abstrak. Perkembangan digital dan Internet telah memberikan kesan yang signifikan terhadap aktiviti penterjemahan. Kebolehan pengguna untuk turut serta dalam aktiviti penterjemahan secara meluas dilihat berlaku dalam konteks terjemahan yang dijana pengguna (*user-generated translation*, UGT). Perubahan konsep penterjemahan daripada berorientasikan penggunaan yang pasif kepada penterjemahan yang mengambil kira

peranan dan sumbangan pengeluar teks serta pembaca menerusi perkembangan Web 2.0 telah membawa pengguna kepada paradigma baharu yang terhasil melalui UGT. Makalah ini bertujuan menjawab persoalan yang berkaitan dengan (1) konsep penterjemahan berasaskan pengguna atau khalayak (*crowdsourcing translation*), (2) pelaksanaan penterjemahan menerusi kaedah ini, dan (3) implikasinya terhadap penyataan status penterjemah “profesional” dan “bukan profesional” berdasarkan konteks penterjemahan berasaskan khalayak. Menerusi pemerhatian kualitatif-deskriptif, konsep penterjemahan telah diperincikan, manakala tatacara penghasilan terjemahan serta penentuan status penterjemah telah diteliti melalui kajian kes ke atas platform Flitto.com. Teori Model Dalam Berteraskan Pengguna dan Model Komuniti telah dimanfaatkan untuk membantu menjelaskan lagi pelaksanaan tatacara penterjemahan berasaskan khalayak yang menjadi fokus kepada penulisan makalah ini.

Kata kunci dan frasa: pembangunan web, terjemahan dijana pengguna, terjemahan berasaskan khalayak, platform digital, penterjemah profesional dan bukan profesional


Pengenalan

Kemajuan teknologi web dan perkembangan digital telah memberi kesan yang begitu besar terhadap pembangunan dunia serta telah mengubah cara masyarakat dunia berkomunikasi (Cronin 2013). Pemodenan digital ini turut mempengaruhi perkembangan bidang penterjemahan. Kemajuan teknologi web sebagai rangkaian komunikasi dan evolusinya telah membuka ruang kepada kepelbagaian inovasi baharu, membolehkan akses kepada maklumat sekarang hanya di hujung jari, seterusnya berupaya menghapuskan jurang maklumat dan pengetahuan. Dunia tanpa sempadan ini telah membawa kepada semakin banyak fungsi web. Bermula dengan fungsi Web 1.0 sebagai rangkaian kognisi kepada Web 2.0 sebagai rangkaian komunikasi dan seterusnya kepada Web 3.0 dan Web 4.0 yang merupakan rangkaian kerjasama dan integrasi, telah menjadi teras sokongan kepada perkongsian maklumat berasaskan khalayak (Choudhury 2014). Makalah ini bertujuan untuk meneliti konsep penterjemahan berasaskan khalayak, yang merupakan satu daripada produk pembangunan digital yang bermula dengan Web 2.0, tatacara pelaksanaannya, dan sejauh mana perkembangan atau revolusi terbaharu dalam praktis penterjemahan ini memberikan implikasi kepada penentuan status keprofesionalan penterjemah, khususnya dalam konteks penterjemahan berasaskan khalayak.

Kemajuan Teknologi dan Evolusi Web

World Wide Web atau kata singkatnya “www” merupakan sistem yang berkait rapat dengan dokumen hiperteks yang diakses melalui Internet. Sistem ini dimulakan pada 1989 oleh Tim Berners-Lee, seorang saintis sains komputer

British (Choudhury 2014). Dalam fasa pertama pengenalannya, Web 1.0 lebih berfokus kepada penyambungan jaringan maklumat dan khidmat Internet secara statik dan pasif (Naik dan Shivalingaiah 2009). Laman web statik ini hanya membenarkan pengguna, tanpa melibatkan hubungan antara pengguna lain untuk mencari maklumat dan membacanya secara sehala sahaja (Choudbury 2014; Aghaei, Nematbakhsh dan Farsani 2012) serta merupakan generasi pertama web “baca-sahaja” (*read-only*). Perkembangan Web 2.0 seterusnya memperluas penggunaannya daripada hanya membenarkan akses dan perkongsian maklumat kepada penjanaan idea yang lebih fleksibel dan mesra kandungan dan bersifat kolaboratif (Aghaei, Nematbakhsh dan Farsani 2012; Naik dan Shivalingaiah 2009). Web 2.0 ini menghubungkan pengguna serta menggalakkan penyertaan jaringan sosial dan kepintaran kolektif, dan membenarkan fungsi dua arah iaitu “baca-tulis” (*read-write*). Perkongsian maklumat merentas laman web dan aplikasi dalam talian ini membenarkan pengguna untuk berinteraksi dalam komuniti maya serta membina kandungan sendiri dan memberi sumbangan kepada pengguna lain. Dengan itu, fungsi web berteraskan kecerdasan kolektif mula hadir dan terhasilnya “terjemahan (yang) dijana pengguna” atau *user-generated translation* (UGT) (Aghaei, Nematbakhsh dan Farsani 2012; Perrino 2009; O’Hagan 2009). Perbezaan penggunaan Web 1.0 dengan Web 2.0 diringkaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Perbezaan interaksi pengguna web versi 1.0 dan 2.0

Sumber: Intenseclick Team (2018)

Melalui aplikasi teknologi Web 2.0 ini, pihak berkepentingan kini dapat mengembangkan amalan kolaborasi ke arah interaksi sosial (Lytras dan de Pablos 2009). Konteks perkembangan interaksi sosial ini membawa kepada revolusi *crowdsourcing* atau sumber khalayak melalui ruang versi web yang sama ketika pengguna memberi sumbangan untuk memenuhi matlamat bersama dan Web 2.0 menjadi tunjang kepada sokongan evolusi ini (Anastasiou dan Gupta 2011). UGT ini memberi ruang kepada pertumbuhan pesat pelbagai perkongsian

kandungan dan kolaborasi dalam talian antara pengguna, misalnya terjemahan kandungan wiki, kolaborasi penghasilan kamus dalam talian, penyarikataan oleh peminat (*fansub*), lokalisasi laman web (*localisation*) dan terjemahan perisian permainan secara sukarela (Anastasiou dan Gupta 2011; Perrino 2009; O'Hagan 2009). Antara contoh projek penterjemahan berdasarkan khalayak yang berjaya ialah projek terjemahan bahasa Klingon yang mempromosi dan memberi sokongan bahasa dan budaya ciptaan oleh makhluk asing dari planet lain yang dipopularkan dalam siri televisyen, *Star Trek* (Anastasiou dan Gupta 2011). Projek ini menjadi pengantara untuk peminat dan penggemar siri berkenaan dengan menyediakan forum perbincangan dan pertukaran fikiran melalui perbincangan web.

UGT yang bermaksud kepelbagaian terjemahan sukarela yang bermotivasikan minat yang bertindak sebagai “pengemudi” berlaku dengan penyertaan pengguna secara sukarela, percuma dan tanpa ganjaran kewangan di ruang maya (O'Hagan 2009). Namun begitu, menurut O'Hagan (2009) keghairahan aktiviti penterjemahan sukarela ini sering menimbulkan persoalan umum yang berkaitan dengan isu kualiti terjemahan, etika terjemahan dan hala tuju profesion terjemahan secara amnya. Konteks terjemahan ini berbeza sama sekali dengan terjemahan mesin kerana UGT memerlukan kepakaran manusia, sama ada amatir ataupun pakar untuk bekerjasama menterjemah. Sungguhpun demikian, implikasi UGT yang berlaku melalui revolusi pesat Internet ini perlu difahami dan diteliti dengan mendalam melalui pelbagai pendekatan supaya kesan perkembangannya dapat dikawal dan pengguna dapat menikmati kelebihan dan potensi yang hadir bersamanya (O'Hagan 2009; Perrino 2009). Satu daripada implikasinya merujuk kepada insiden pada 1998, setelah pengguna berkongsi muzik secara bebas dalam talian melalui perisian Napster, yang pada mulanya membawa potensi besar tetapi kemudiannya menyebabkan kerugian yang besar dalam masa kurang satu dekad (O'Hagan 2009). Oleh yang demikian, potensi besar yang dibawa oleh UGT perlu dikawal dan tidak boleh dipandang ringan agar insiden yang menimpa Napster tidak akan berulang.

Melihat kepada besar dan meluasnya peranan web dalam kehidupan semasa dan kepentingan teknologi ini semakin memberikan impak yang besar kepada dunia dan khalayak penterjemahan, maka persoalan yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut: (1) Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan penterjemahan berasaskan khalayak?, (2) Bagaimanakah konsep ini dilaksanakan dalam ruang lingkup penterjemahan yang berteraskan Web 2.0, serta apakah mekanisme atau tatacara pelaksanaannya dan, (3) Apakah implikasinya terhadap penetapan status penterjemah sebagai ‘profesional’ dan ‘bukan profesional’ dalam konteks penterjemahan berasaskan khalayak?.

Metodologi

Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan tersebut, penelitian yang berbentuk deskriptif-kualitatif digunakan dalam penulisan ini. Satu kajian kes juga telah diadakan untuk mengkaji fenomena sebenar pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak. Ruang lingkup penulisan ini melibatkan penelitian tentang (1) konsep penterjemahan berasaskan khalayak, (2) pemerhatian fenomena sebenar sistem dalam talian tentang tatacara pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak, dan (3) pengenalpastian status penterjemah sebagai “profesional” dan “bukan profesional” dalam konteks penterjemahan berasaskan khalayak berdasarkan platform sistem yang dikaji.

Sehubungan itu, beberapa kaedah pemerhatian telah dilakukan, iaitu kajian kepustakaan untuk meneliti konsep dan model yang berkaitan dengan penterjemahan berasaskan khalayak; pemerhatian melalui kajian kes, iaitu pemilihan platform kerja sebenar yang menawarkan khidmat penterjemahan berasaskan khalayak, yang turut memperincikan tatacara pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak. Bagi tujuan ini, pengenalpastian dan pemilihan sistem dan platform telah dilakukan, dan platform yang dipilih ialah Flitto.com. Platform ini merupakan satu khidmat terjemahan atas talian berdasarkan khalayak yang dibangunkan oleh Simon Lee, Dan Kang dan Jin Kim, yang beribu pejabat di Seoul, Korea dan dilancarkan pada tahun 2012. Kumpulan penterjemah yang disasarkan dalam pemerhatian ini merupakan pengguna platform Flitto.com untuk pasangan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Platform ini dipilih kerana sistem ini membawa konsep terjemahan khalayak yang sebenar tanpa menggunakan teknologi lain seperti terjemahan mesin dan terjemahan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI).


Sebagai satu kajian kes, platform ini diteliti dari sudut tatacara pemberian tugas, kaedah penerimaan tugas, ketetapan fungsi dalam platform yang dipilih, pemilihan teks, dan pemilihan penterjemah. Pengkategorian penterjemah profesional dan bukan profesional dalam konteks penterjemahan khalayak pula dilakukan melalui kaedah yang telah ditetapkan oleh platform ini. Bagi membolehkan maklumat sebenar tentang aktiviti penterjemahan ini diperolehi, penulis telah turut serta sebagai seorang pemberi tugas, dengan membayar yuran untuk menyertai platform, sebelum sampel teks dimuat naik untuk mendapatkan penterjemah yang berminat. Dari sini, penulis seterusnya dapat membuat generalisasi tentang pelaksanaan sebenar penterjemahan berasaskan khalayak ini. Sungguhpun begitu, untuk tujuan penelitian ini, peranan teks sumber serta kualiti terjemahan yang dihasilkan tidak diberikan fokus, kerana perbincangan

ini lebih menumpukan kepada tiga perkara penting yang disebut sebelum ini, iaitu konsep, pelaksanaan dan status penterjemah, yang merupakan objektif sebenar kajian ini.

Kerangka teori

Dua pendekatan teori digunakan untuk membantu analisis dan penjelasannya. Pertama, pendekatan komuniti khalayak – Model Hibrid Komuniti Khalayak oleh Mesipuu (2010), dan kedua, Teori Model Dalaman Berteraskan Pengguna oleh Cronin (2013, 100). Mesipuu (2010; 2012) mengemukakan ideanya bahawa komuniti khalayak yang menyertai platform terjemahan berasaskan khalayak yang dipilih terbahagi kepada dua, iaitu komuniti terbuka dan komuniti tertutup. Kedua-dua kategori ini dibezakan oleh tahap keterbukaan komuniti dan penglibatan penterjemah. Pendekatan komuniti khalayak terbuka merujuk kepada penyertaan khalayak tanpa had untuk mendaftar dan memberi sumbangan. Komuniti ini juga biasanya menggunakan sistem pengundian bagi memilih hasil terjemahan yang terbaik (Flanagan 2016; Mesipuu 2010). Bagi pendekatan komuniti khalayak tertutup pula, peserta komuniti khalayak yang berminat untuk menyertai akan diselidik latar belakang mereka dan perlu memenuhi spesifikasi keperluan yang ditetapkan oleh mana-mana platform (Flanagan 2016; Mesipuu 2010). Rajah 2 meringkaskan maklumat berkaitan dengan model komuniti khalayak ini.

Menerusi pendekatan komuniti khalayak terbuka, sesiapa sahaja yang berminat, boleh mendaftar dengan platform yang dipilih untuk memberi sumbangan terjemahan mereka. Komuniti ini biasanya menggunakan sistem penapisan automatik untuk ujian linguistik dan sistem undian bagi mengenal pasti hasil terjemahan terbaik (Flanagan 2016; Mesipuu 2010). Dalam pendekatan terbuka ini, tiada tarikh akhir yang ditetapkan untuk sesuatu tugas terjemahan, dan pengurus (atau platform) menggunakan pelbagai jenis motivasi lain bagi menggalakkan khalayak untuk menyumbang terjemahan sepantas yang boleh tetapi tempoh untuk menyiapkan sesebuah tugas terjemahan adalah bergantung kepada khalayak penterjemah itu sendiri. Menurut Mesipuu, pada amnya, khalayak atau orang ramai yang terlibat dalam aktiviti penterjemahan ini tidak termotivasi dengan ganjaran wang dan tidak mempunyai motif perniagaan sama sekali. Contoh terbaik bagi penggunaan jenis terjemahan berasaskan pendekatan komuniti khalayak ini ialah penterjemahan Facebook yang telah dilakukan ke dalam lebih 100 jenis bahasa pada masa kini.




Rajah 2. Model komuniti khalayak
Sumber: Mesipuu (2010)

Bagi pendekatan komuniti khalayak tertutup pula, peserta komuniti khalayak yang berminat menyertai sistem akan diselidik latar belakang mereka dan perlu memenuhi spesifikasi keperluan yang ditetapkan oleh mana-mana platform untuk diterima masuk (Flanagan 2016; Mesipuu 2010). Pendekatan jenis ini adalah bersifat eksklusif, lebih kecil ruang lingkup khidmatnya, dan peraturan serta garis panduan yang disediakan perlu diikuti (Mesipuu 2010). Misalnya, perjanjian kerahsiaan dan penetapan tarikh akhir untuk menyiapkan terjemahan ditetapkan, dan ganjaran selalunya diberi dalam bentuk barangan percuma atau token hadiah. Kini pendekatan sebegini adalah tersohor dalam ruang lingkup penterjemahan berasaskan khalayak (Ray dan Lommel 2009). Contoh terbaik untuk pendekatan ini ialah penterjemahan aplikasi Skype yang menggunakan peserta komuniti khalayak yang eksklusif.

Dua kategori kecil lain yang digunakan untuk mencirikan pendekatan komuniti yang wujud pada era perkembangan web kini ialah ciri kawalan khalayak atau *moderated crowd* (USA's Crowdsourcing Survey 2009 dalam Mesipuu 2010), iaitu penyertaan khalayak adalah terbuka tetapi dilengkapi dengan ciri kawalan khalayak yang mengandungi peraturan, kawalan atau penyaring maklumat (*gatekeeper*). Contoh terbaik untuk pendekatan ini ialah "TED Open Translation Project", dengan penterjemah sukarelawan akan disaring oleh editor berdasarkan projek terjemahan yang dilengkapkan (Mesipuu 2010). Kategori kecil yang kedua pula ialah kehadiran model hibrid, satu daripada pendekatan yang disebut di atas yang melibatkan pakar linguistik, penyaring, pengurus projek atau sesiapa sahaja daripada platform penterjemahan berasaskan khalayak tersebut. Facebook menggunakan pencirian ini untuk penterjemahan bahasa utama dunia.

Cronin (2013, 100), dalam teori model dalaman berteraskan pengguna menjelaskan tentang perubahan konsep penyumberan tugas terjemahan. Konsep "model luaran yang berorientasikan pengeluaran" sebelum ini merujuk kepada ejen atau penterjemah menghasilkan terjemahan untuk pembaca sasaran yang pasif merupakan kebiasaan dalam arena penterjemahan. Menerusi kaedah penterjemahan khalayak, peranan pembaca sasaran akan berubah, kerana mereka akan mengambil peranan aktif sebagai penterjemah dan penerbit (Brems, Meylaerts dan Doorslaer 2012), dan peranan aktif ejen terjemahan berubah menjadi pasif, dan situasi ini biasanya akan mengundang isu terjemahan yang baharu (Cronin 2013), seperti isu penerbit-pengguna (*prosumer*). Dalam pada itu, penterjemah khalayak juga akan berinteraksi sesama sendiri untuk menentukan kualiti terjemahan yang dihasilkan. Perubahan daripada penghasilan terjemahan untuk pembaca yang pasif kepada penterjemahan yang melibatkan pengeluar terjemahan atau penerbit dengan "suara" pembaca sasaran ini menunjukkan bermulanya konsep baharu dalam senario penterjemahan semasa (Cronin 2013). Dengan perubahan paradigma daripada "model luaran berteraskan pengeluaran" kepada "model dalaman berasaskan pengguna", proses digital dengan kepelbagaian perkongsian dan kolaborasi boleh berlaku dalam talian (Ritzer dan Jurgenson 2010). Jargon bahasa Inggeris yang digunakan untuk menerangkan konsep ini ialah kata gabungan baharu, *prosumption*, yang merujuk konsep *presumption-prosumer*, atau padanannya "konsep penerbit-pengguna". Penerbit-pengguna dalam bidang penterjemahan khalayak ini melibatkan penghasil terjemahan atau pembaca sasaran yang mengeksplorasi teknologi Web 2.0 untuk menghasilkan kandungan dan terjemahan dalam talian, yang merupakan peralihan baharu penghasilan terjemahan daripada konteks tradisional sebelum ini (Munday dan Zhang 2017). Rajah 3 menunjukkan binaan model berteraskan pengguna yang digagaskan oleh Cronin (2013).



Rajah 3. Model dalaman berteraskan pengguna
Sumber: Dolmaya (2015)

Analisis dan Perbincangan

Konsep penterjemahan berasaskan khalayak

Pembudayaan kolaborasi dalam talian (*online collaboration*) sebagai alat terjemahan, yang terhasil daripada pembangunan web dan revolusi terjemahan, yang membawa kepada pelaksanaan penterjemahan yang dijana pengguna (UGT), serta terjemahan yang dihasilkan oleh khalayak membawa kepada pemahaman yang jelas terhadap konsep penterjemahan berasaskan khalayak. Pembangunan Web generasi pertama kepada Web 2.0 memberi ruang kepada pengguna untuk menyumbang pelbagai jenis kandungan untuk kegunaan awam seperti kiriman artikel untuk Wikipedia dan muat naik video ke YouTube (O'Hagan 2009). Kejayaan UGT turut menjadi pencetus kepada inovasi sumber khalayak. Sumber khalayak merupakan model produktiviti yang berjaya difasilitasi melalui ciri Web 2.0 yang mengguna pakai kebijaksanaan masyarakat untuk sesuatu tugas (O'Reilly dan Battelle 2009). Definisi sumber khalayak terus berkembang sejajar dengan kecenderungan global yang sering berubah bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa pasaran serta merupakan satu praktis penyertaan aktif oleh khalayak yang memanfaatkan pengetahuan dan kebijaksanaan sukarelawan dari pelbagai bidang dalam menghasilkan sesuatu produk atau menyelesaikan sesuatu tugas secara kolektif dan kolaboratif (Anastasiou dan Gupta 2011; Costales 2013; Sosoni 2017). Jeff Howe (2006) yang mencipta kata *crowdsourcing* atau sumber khalayak, menjelaskan penterjemahan berasaskan khalayak sebagai satu konsep menerima kerja atau tugas, secara tradisinya dilakukan oleh pekerja yang ditetapkan oleh ejen dengan membuat panggilan terbuka untuk penyumberan luar kepada kumpulan khalayak umum. DePalma dan Kelly (2008) telah mencadangkan istilah *translation crowdsourcing* atau "penterjemahan berasaskan khalayak" yang merujuk kepada

terjemahan kolaborasi komuniti. Melalui kolaborasi komuniti ini, “teknologi dan proses” dan “pemantauan” disatukan untuk menghasilkan terjemahan oleh, dan untuk khalayak. Justeru, penterjemahan berasaskan khalayak turut dikenali sebagai “terjemahan hasil kerjasama dalam talian serta hasil sumbangan bebas penterjemah sukarela yang terdiri daripada penterjemah profesional, penterjemah amatur, penggemar (*enthusiasts*), peminat (*fan*) ataupun masyarakat umum” (Sosoni 2017). Kolaborasi ini hadir dalam usaha untuk menterjemah tugas daripada khalayak dan untuk khalayak bagi mencapai hasil yang terbaik (DePalma dan Kelly 2008; Jiménez-Crespo 2018; Sosoni 2017).

Sungguhpun begitu, terdapat kepelbagaian dan perbezaan dalam pemilihan terminologi yang mendefinisikan penggunaan inovasi terkini ini seperti pandangan Pascoal, Furtado dan Chorão (2017):

For instance, Michael Cronin prefers “*crowd translation*” (Cronin 2010), Anthony Pym talks about “*volunteer translation*” (Pym 2011), Minako O’Hagan mentions “*community translation*” (O’Hagan 2011), Desilets and Van der Meer use the term “*collaborative translation*” to refer to “agile translation team ware, collaborative terminology resources, translation memory sharing, online translation marketplaces, post-editing by the crowd, and [...] translation crowdsourcing” (Desilets and Van der Meer 2011, 28–29). More recently, Ignacio Garcia called it “*crowdsourcing translation*” (Garcia 2015) [penekanan penulis dalam tulisan berhuruf condong].

Ringkasnya, proses terjemahan dalam talian ini dapat dilihat sebagai satu sistem yang disusun atur dan dikawal selia dalam memastikan orang ramai dan komuniti terlibat untuk berkolaborasi dengan lancar dan tanpa campur tangan AI yang menjadikan pemilihan perkataan “berasaskan” lebih sesuai. Oleh itu, *crowdsourcing* dicadangkan untuk dipadankan sebagai “penterjemahan berasaskan khalayak”.

Melalui penterjemahan berasaskan khalayak, lebih ramai pengguna secara sukarela akan menyumbang kepada penyelesaian tugas secara kolektif yang dapat dilakukan di mana-mana sahaja, dan pada bila-bila masa sahaja. Banyak syarikat dan organisasi telah melaksanakan inisiatif bersumberkan khalayak dengan menjadikan pelanggan sebagai rakan usaha sama dalam perkongsian pengetahuan melalui interaksi dalam kumpulan (Sosoni 2017). Antara projek yang pernah dijalankan ialah projek Lugnet (Lego,) projek Ideastorm (Dell), projek MyStarbucksIdea (Starbucks) dan projek ideaproject (Nokia) (Flanagan 2016), serta laman sosial Facebook, yang telah menggerakkan komuniti pengguna aktif untuk menterjemah platform laman web (Mesipuu 2010; O’Brien

2011). Dengan adanya 60% pengguna aktif yang bukan penutur jati bahasa Inggeris, Facebook telah mengambil langkah inovatif untuk menyediakan versi platform selain bahasa Inggeris (O'Hagan 2016). Motif utama di sebalik penerapan terjemahan khalayak ialah kelajuan penyelesaian tugas, kualiti dan jangkauan sasaran atau pembacaan (DePalma dan Kelly 2008). Versi bahasa Sepanyol platform Facebook misalnya hanya mengambil masa empat minggu sahaja untuk diterjemah siap pada tahun 2008, diikuti dengan versi bahasa Perancis yang siap dalam tempoh 24 jam dan diterjemah oleh lebih 4,000 penutur asli Perancis (O'Hagan 2016; O'Brien 2011). Berdasarkan kejayaan terjemahan khalayak itu, Facebook berkembang dan diterjemah kepada 100 bahasa lain (Mesipuu 2010). Selain Facebook, terdapat banyak lagi syarikat gergasi yang menerapkan penterjemahan khalayak seperti Twitter, TED Open Translation Project, Der Mundo, HootSuite, Kiva dan lain-lain (Dolmaya 2011).

Dunia penterjemahan digital baharu ini telah meminimumkan isu dan masalah dalam mencari dan memilih penterjemah. Proses sekarang sangat berbeza daripada keadaan sebelum ini yang pilihan penterjemahnya adalah terhad. Pada masa kini, pilihan penterjemah dan pasangan bahasa tersedia secara digital dan mudah dicapai (Raído 2016). Penterjemahan berdasarkan khalayak yang menggunakan sekurang-kurangnya dua pasangan bahasa adalah antara fenomena baharu yang mendorong kepada perubahan keseimbangan antara bekalan (khidmat terjemahan) dengan permintaan (pemberi tugas/pelanggan). Penyumberan luar projek penterjemahan dalam talian dalam era digital ini masih menggunakan khidmat pengurus projek yang bertindak sebagai agen pengantara pada awal proses. Proses penterjemahan ini pada umumnya bermula sewaktu penyumberan luar tugas terjemahan dijalankan oleh syarikat, organisasi ataupun agensi persendirian tanpa melalui ejen atau pekerja yang ditetapkan kepada orang ramai. Dalam konteks ini, pengurus projek atau pemberi tugas akan mencari platform yang sesuai dan relevan untuk menarik khalayak yang spesifik untuk melengkapkan tugas terjemahan yang ada. Pengurus akan memulakan terjemahan serta memantau projek dan prestasi penterjemah untuk memastikan kelancaran penyediaan, pelaksanaan dan penyempurnaan tugas secara sukarela oleh penterjemah khalayak (Hessellund 2014).

Penterjemahan berasaskan khalayak terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menyertainya. Pada tahun 2019, dicatatkan bahawa pengguna aktif dalam talian terdiri daripada 4.5 bilion pengguna Internet daripada 7.7 bilion jumlah populasi pengguna dari serata dunia (Internet World Stats 2019). Boleh dikatakan bahawa 4.5 bilion pengguna Internet berpotensi menjadi penyumbang terjemahan komuniti khalayak dalam talian (Mesipuu, 2010). Melalui konsep keterbukaan ini, komuniti penterjemah khalayak

ini boleh terdiri daripada penterjemah profesional dan penterjemah bukan profesional yang secara minimumnya hanya perlu mempunyai pengetahuan dua atau lebih bahasa (O'Brien 2011). Terjemahan berasaskan khalayak menjanjikan pelbagai kebaikan kerana ia memudahkan sokongan terjemahan berbilang bahasa, merupakan terjemahan manusia dan memberi peluang kepada khalayak untuk menyumbang dalam penterjemahan daripada dan kepada bahasa semula jadi yang mereka inginkan (Anastasiou dan Gupta, 2011). Namun begitu, ada yang mempunyai pandangan berbeza mengenai terjemahan berasaskan khalayak, dan terdapat penterjemah profesional yang menganggap aktiviti ini seolah-olah menjadi ancaman kepada profesion mereka (Esfandiari, Sepora dan Mahadi 2015; Kelly, Ray dan De Palma 2011; Rogl 2016).

Pengelasan penterjemahan berasaskan khalayak turut dilihat sebagai aktiviti yang positif kerana ia melibatkan perundingan antara pakar bidang, organisasi yang tidak mementingkan keuntungan, dan beberapa pihak yang berkolaborasi dalam menjalankan projek (Flanagan, 2016). Keperihalan tidak melibatkan keuntungan dan perkongsian maklumat dari pelbagai pihak mungkin membawa kepada persoalan tentang isu kualiti hasil terjemahan walaupun pada dasarnya penterjemahan berasaskan khalayak masih merupakan terjemahan manusia, dan penterjemah ini boleh terdiri daripada gabungan penterjemah profesional dan bukan profesional atau individu yang dipilih oleh syarikat/agen, ataupun hanya merupakan peserta khalayak yang terlibat secara rawak dan sukarela (Anastasiou dan Gupta 2011; Flanagan 2016). Komuniti penterjemah khalayak ini juga tidak selalunya terdiri daripada penterjemah berakreditasi, diiktiraf dan berpengalaman, dan ini memberi peluang kepada khalayak yang bukan profesional untuk menterjemah kerana sistem ini terbuka kepada sesiapa sahaja (Anastasiou dan Gupta 2011). Namun begitu, kesalahan terjemahan cenderung untuk berlaku, terutamanya jika terjemahan dilakukan oleh penterjemah khalayak yang bukan profesional, walaupun tidak mustahil bahawa hasil terjemahan khalayak adalah baik juga sekiranya terdapat penterjemah khalayak (yang juga pembaca sasaran) yang berpengetahuan luas, dan mempunyai penguasaan bahasa yang baik untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti (Goto 2013; Drugan 2013). Oleh itu, kontroversi yang timbul berkaitan dengan penterjemahan khalayak juga tidak boleh dipandang ringan, seperti pandangan Pascoal, Furtado dan Chorão (2017):

In 2008, the localization process of Facebook using fans and volunteer work seemed to turn crowd translation into the next big thing, but it also brought about much controversy amongst professional translators.

Sungguhpun penterjemahan berasaskan khalayak mengundang banyak kontroversi, namun dua kategori penterjemah khalayak ini boleh wujud bersama tanpa persaingan berikutan kehendak pasaran yang berbeza (Flanagan 2016).

Pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak dalam ruang lingkup Web 2.0

Pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak dalam konteks penulisan ini meliputi: (1) pemilihan teks dan penterjemah, (2) kaedah penerimaan tugas terjemahan oleh penterjemah bersumberkan khalayak, dan (3) fungsi dan ketetapan laman web yang mempengaruhi proses penghasilan terjemahan. Pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak ini dijelaskan berasaskan mekanisme yang biasa diaplikasi dalam platform dalam talian, Flitto.com.

Sebelum sesuatu tugas terjemahan dilaksanakan, Flitto.com pada awalnya akan meletakkan sistem poin (mata) untuk menggalakkan penterjemah menyumbang terjemahan kepada khalayak. Untuk merealisasikan penelitian ini, penulis telah berfungsi sebagai pemberi tugas sebenar yang akan mendapatkan khidmat terjemahan melalui platform yang dipilih ini. Penulis telah membayar USD20 (~MYR45) untuk mendapat 10,000 poin permulaan untuk membuka akaun dan memberi tugas. Bayaran yang dikenakan ini adalah sangat minimum jika dibandingkan dengan bilangan karakter untuk terjemahan yang akan ditawarkan. Misalnya, untuk 400 karakter perkataan, penulis perlu membayar 800 poin untuk mendapat sampel terjemahan. Jadi, melalui konsep turut serta ini, barulah maklumat sebenar diperoleh untuk penulisan ini. Setelah selesai membuat bayaran, barulah teks sumber dimuat naik untuk mendapatkan khidmat terjemahan yang ditawarkan oleh penterjemah yang telah mendaftar dengan Flitto.com. Penterjemah khalayak yang berminat kemudiannya menawarkan khidmat mereka dan terjemahan dimuat naik dalam platform. Pemberi tugas akan memilih terjemahan yang paling ideal, dan poin diberikan kepada terjemahan terbaik. Penterjemah dinilai melalui ujian mudah yang akan meletakkan penterjemah, pada awalnya di aras 1. Aras yang lebih tinggi akan dicapai jika terjemahan mereka terpilih, diberikan poin serta mendapat perakuan daripada pemberi tugas/pelanggan. Kriteria ini boleh menaik taraf penterjemah ke aras 2, 3, 4 dan akhirnya diberi lencana “pro” (penterjemah profesional). Poin yang terkumpul boleh digunakan di kedai maya Flitto.com ataupun ditunaikan. Flitto.com turut menawarkan platform 1:1 Terjemahan Profesional jika pemberi tugas mahukan hasil terjemahan yang pantas dan ingin berunding secara persendirian dengan penterjemah profesional pilihan.

Platform ini turut menawarkan empat jenis perkhidmatan terjemahan yang direka dan ditambah baik dari semasa ke semasa, iaitu (1) terjemahan separa mesin yang dilengkapi dengan AI (*Crowdsourced-AI Translation*), (2) penterjemahan berasaskan khalayak (*Crowdsourced-Request Translation*), (3) terjemahan profesional 1:1 PRO (*1:1 PRO Translation-Request Translation*) dan (4) penterjemahan kandungan media sosial (*Discovery-Social*). Sistem *Crowdsourced-AI Translation* menyediakan khidmat terjemahan dengan integrasi AI. Sistem yang dikategorikan sebagai terjemahan mesin ini direka dan diatur cara untuk mengesan bahasa yang ditaip di tettingkap kiri sistem secara automatik. Pemberi tugas akan memilih senarai bahasa untuk diterjemah dan hasil terjemahan akan terpapar dengan pantas di tettingkap kanan. Maksimum karakter yang dibenarkan adalah 5,000 karakter. Sistem *Crowdsourced-Request Translation* pula berfungsi atas khidmat terjemahan berasaskan khalayak sepenuhnya tanpa pengaruh terjemahan mesin kerana hasil terjemahan mesin adalah dilarang sama sekali dalam khidmat platform ini. Penterjemah khalayak yang melakukan kaedah potong dan tampal akan dikenakan penalti. Sistem *1:1 PRO Translation-Request Translation* menyediakan khidmat penterjemahan profesional. Selepas pemberi tugas menaip teks untuk diterjemah, senarai penterjemah profesional akan terpapar di dalam sistem untuk dipilih oleh pemberi tugas, diikuti dengan penyediaan sebut harga. Akhir sekali, sistem *Discovery-Social* memberi peluang kepada penterjemah khalayak untuk menterjemah status kemas kini dan suapan berita daripada akaun sosial yang tersohor kini. Penggunaan terjemahan mesin juga dilarang dalam sistem ini, dan penterjemah boleh menggunakan sistem ini untuk berlatih menterjemah jika tiada permintaan untuk penterjemahan khalayak dikirim oleh pemberi tugas.

Daripada empat fungsi khidmat terjemahan yang ditawarkan dalam sistem Flitto.com, fokus penelitian hanya kepada sistem khidmat *Crowdsourced-Request Translation* sahaja disebabkan sistem ini menggunakan sistem penterjemahan berasaskan khalayak sepenuhnya dan petikan teks boleh dikirim melalui fungsian yang disediakan. Oleh itu, platform yang dikaji adalah pada variasi platform terjemahan berasaskan khalayak sahaja, dan untuk tujuan makalah ini, pemerhatian hanya dilakukan untuk sepanjang enam bulan tempoh penulisan sahaja.

Pemilihan teks kajian

Untuk membolehkan pemerhatian dilakukan, teks sumber perlu dimuat naik oleh penulis sebagai pemberi tugas untuk mendapatkan khidmat penterjemah khalayak. Teks yang digunakan untuk kajian ini ialah teks umum bacaan popular berbahasa Inggeris yang bertajuk *Million Dollar Whale: The Man*

Who Fooled Wall Street, Hollywood, and the World (Hope dan Wright 2018). Teks sumber berbentuk autobiografi ini agak unik dan bersifat hibrid kerana mempunyai ciri-ciri informatif, ekspresif dan operatif (Reiss 1981), dan maklumat yang dibawakan oleh teks ini juga bersifat semasa. Teks ini juga menarik kerana adanya kronologi penceritaannya menerusi naratif orang ketiga, yang disokong dengan bukti komunikasi antara karektor, bukti sekunder dan komunikasi antara karektor utama dalam penceritaan, iaitu Jho Low (Tan 2018). Pasangan bahasa yang terlibat ialah bahasa Inggeris-bahasa Melayu. Namun begitu, dalam perbincangan ini analisis khusus tidak dibuat terhadap hasil terjemahan dan kesan terjemahan yang dihasilkan, kerana perhatian yang diberi hanyalah kepada tatacara pelaksanaan tugas penterjemahan berasaskan khalayak yang bermula dengan pemberian tugas ini sahaja.

Kaedah pemberian tugas terjemahan berasaskan khalayak

Penterjemahan berasaskan khalayak mengetengahkan tatacara pemberian tugas digital yang berbeza daripada tatacara pemberian tugas secara tradisional atau konvensional. Pembaca sasaran boleh bertukar peranan sebagai penerbit dan penterjemah aktif yang menyumbang kepada penghasilan produk akhir (Cronin 2013). Tatacara penterjemahan konvensional secara umumnya meletakkan penerbit sebagai peneraju atau klien produk akhir yang perlu dipenuhi kehendaknya dan bukannya pembaca sasaran. Ringkasnya, pemberian tugas secara tradisional membenarkan kawalan kapitalis yang merupakan satu masalah dalam bidang penterjemahan kerana hasil akhir seringkali tidak memenuhi kehendak pembaca sasaran walaupun bahan bacaan yang membawakan suara penerbit memenuhi pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Tatacara pemberian tugas digital ini dilihat lebih bersifat bebas kawalan kapitalis penerbit berikutan penglibatan penyumberan luar terjemahan kepada orang ramai yang bekerja secara sistematik dan berkolaborasi untuk mencapai hasil terbaik (Jiménez-Crespo 2018). Perubahan dunia masa kini menuntut kepelbagaian bahan bacaan yang semestinya dari pelbagai perspektif dan bukan hanya termaktub dalam ruang lingkup penerbit sahaja. Justeru, melalui perkongsian kecerdasan dan penyumberan tugas terjemahan kepada orang ramai yang juga pembaca sasaran, membawa kepada penyelesaian masalah dominasi penerbit dan membuka ruang baharu kepada pembaca sasaran untuk lebih didedari dalam penghasilan bahan bacaan yang bebas kapitalis.

Pemerhatian turut menunjukkan bahawa kaedah terjemahan bersumberkan khalayak yang dilaksanakan oleh penterjemah khalayak melalui platform Flitto.com adalah berbeza dengan kaedah terjemahan konvensional.

Pertamanya, pemberi tugas tidak menjalankan proses tertentu dalam memilih penterjemah, tiada interaksi berlaku antara pemberi tugas dan penterjemah, dan perbincangan tentang hasil terjemahan yang dijangkakan tidak dilakukan. Pemberi tugas dan penterjemah perlu mendaftar dalam platform ini, tetapi penterjemah khalayak yang berminat tidak diwajibkan untuk mendaftar pasangan bahasa untuk mengirim tugas terjemahan. Proses mudah yang tersedia untuk pengirim tugas/penterjemah khalayak menyertai sistem ini menunjukkan bahawa platform ini dibangunkan berdasarkan konsep model dalaman berteraskan pengguna. Peranan sebagai pengirim tugas, penterjemah, penerbit dan pembaca pruf sekarang dipertanggungjawabkan kepada pembaca sasaran.

Platform yang menggunakan pendekatan komuniti khalayak terbuka ini menyediakan penyertaan tanpa had kepada khalayak umum, dan penterjemah hanya perlu mendaftar masuk sistem ini dengan mengemukakan alamat emel, penetapan kata laluan dan penetapan nama pengguna untuk menjadi pengirim tugas. Pemberi tugas yang ingin menghantar teks untuk diterjemahkan hanya perlu menaip bahagian teks sumber atau memuat naik imej yang perlu diterjemahkan dan memilih bahasa sasaran yang diinginkan. Pemberi tugas boleh memilih lima bahasa sasaran secara maksimum pada sesuatu masa. Flitto.com menggalakkan pemberi tugas untuk terus menggunakan perkhidmatan penterjemah profesional melalui fungsian 1:1 PRO Translation jika dokumen penting perlu diterjemahkan. Terbaharu, platform ini telah menambah satu lagi fungsi penting, iaitu pengirim tugas mempunyai pilihan untuk mengirim tugas kepada penterjemah khalayak berdasarkan bidang kepakaran, seperti pemasaran, politik, ekonomi, kewangan, dan sains perubatan. Sistem ini juga akan membahagikan sesuatu perenggan kepada beberapa bahagian sekiranya teks sumber yang ditaip melebihi karakter perkataan yang ditetapkan.

Melalui sistem ini, sebut harga akan disediakan dan jumlah poin juga ditawarkan berdasarkan pengiraan bilangan karakter teks sumber yang ingin diterjemah. Pemberi tugas boleh membeli poin melalui pembelian dalam talian seperti PayPal, Paymentwall, Alipay atau WeChat Pay dengan kadar minimum USD3 untuk 3,000 poin hingga USD50 untuk 50,000 poin. Sistem poin ini digunakan untuk menggalakkan penterjemah menyiapkan hasil terjemahan seantas yang boleh, tetapi dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setelah bayaran untuk poin dibuat, tugas terjemahan akan dikirim ke laman Flitto.com beserta kadar bayaran. Maklum balas penterjemah khalayak yang akan melakukan tugas diperoleh selepas itu, diikuti dengan semakan terhadap hasil terjemahan yang dikirim. Pengirim tugas akan memilih hasil terjemahan yang paling baik, menepati kehendak, dan bayaran untuk khidmat yang dijalankan akan dibuat.

Pemilihan hasil terjemahan melalui pengundian juga merupakan satu daripada ciri pendekatan komuniti terbuka sistem ini.

Tarikh akhir untuk sesuatu tugas biasanya tidak ditetapkan dan tempoh kerja yang diperuntukkan untuk tugas menterjemah adalah sekitar 36 jam sehingga 48 jam sebelum pengirim tugas dibenarkan untuk menawarkan semula tugas yang sama ke laman terjemahan khalayak. Kemudian, undian akan dilakukan untuk menentukan hasil sesuatu terjemahan yang terbaik. Undian akan dilakukan oleh pengirim tugas dalam tempoh 36 jam sehingga 48 jam setelah kerja terjemahan dikirim. Sekiranya pengirim tugas gagal memilih hasil terjemahan terbaik, sistem akan memilih hasil terjemahan secara automatik. Selain fungsi undian (yang tidak dapat diakses oleh pengkaji untuk penulisan ini), sistem pengesyoran (*recommendation*) dengan logo “suka” (*like*) juga tersedia tetapi hanya khusus diadakan untuk penterjemah berstatus PRO sahaja. Hanya penterjemah profesional Flitto.com sahaja boleh mengesyor hasil terjemahan yang baik. Ringkasnya, melalui platform ini, pemberi tugas akan mengirim tugas, menetapkan jumlah ganjaran dan memilih hasil yang terbaik yang menepati cita rasa pemberi tugas. Proses kerja baharu ini menunjukkan dengan jelas bagaimana peranan tradisional pemberi tugas terjemahan berubah selaras dengan konsep pendekatan komuniti khalayak terbuka yang digunakan.

Kaedah penerimaan tugas terjemahan berdasarkan khalayak

Penyertaan untuk mendaftar dengan laman web Flitto.com adalah terbuka kepada sesiapa sahaja, namun begitu, bakal penterjemah khalayak terlebih dahulu perlu memenuhi beberapa fungsi dalam sistem. Melalui platform terbuka ini individu yang berminat perlu mendaftar terlebih dahulu dengan mengemukakan alamat emel, menetapkan kata laluan dan nama pengguna untuk mendapat akses kepada khidmat mengirim tugas. Bakal penterjemah akan dinilai terlebih dahulu melalui ujian mudah yang berkaitan dengan padanan bahasa, yang akan meletakkan penterjemah pada aras 1 untuk setiap padanan bahasa yang didaftarkan. Lima soalan tersedia untuk dijawab dalam talian dan sekiranya dua daripada lima soalan dijawab salah, penterjemah tidak akan dibenarkan mengambil semula ujian dalam tempoh 12 jam. Soalan yang biasanya ditanyakan termasuklah soalan tentang tatabahasa dan kemahiran menterjemah perkataan, frasa dan juga ayat berdasarkan pasangan bahasa yang dipilih.

Sistem penapisan automatik ujian linguistik turut diadakan untuk penterjemah khalayak yang berminat. Pendaftaran padanan bahasa hanya akan dibenarkan setelah penterjemah menjawab kesemua empat daripada lima soalan dengan jayanya dan penterjemah boleh mula menterjemah dalam Flitto.com selepas

pasangan bahasa yang dipilih didaftarkan. Bilangan maksimum pasangan bahasa yang hendak didaftarkan tidak ditetapkan sehinggalah penterjemah khalayak lulus ujian mudah yang diberi. Bermula dengan aras 1 untuk setiap padanan bahasa yang didaftarkan, penterjemah boleh memulakan khidmat penterjemahan (*Crowdsourced-Request Translation*) setelah padanan bahasa didaftarkan. Jika tiada kiriman tugas terjemahan yang menarik perhatian penterjemah khalayak, mereka boleh ke fungsi *Discovery*. Di situ, penterjemah khalayak boleh mendapat poin dengan menterjemah kandungan media sosial kepada bahasa pasangan yang didaftarkan.

Fungsian kawalan penterjemah khalayak di laman Flitto.com

Laman Flitto.com juga mengguna pakai fungsi kawalan khalayak (*moderate crowd*), yang menetapkan denda kepada individu yang menyalah guna platform ini. Flitto Inc. (n.d.) menegaskan bahawa platform terjemahan yang dibangunkan ini diterajui oleh manusia, maka penyalahgunaan laman web dan sistem penterjemahan ini akan menyebabkan seseorang pelaku itu dikenakan denda yang spesifik dan ketat. Antara perlakuan salah guna sistem adalah menyalin dan menampal hasil terjemahan mesin, penghasilan terjemahan yang tidak sesuai dan tidak tepat, mengirim tugas terjemahan dan memilih hasil terjemahan sendiri menggunakan akaun persendirian yang lain, meminta data peribadi, menyalah guna butang *report* (laporan) dan salah laku lain. Penterjemah akan dikenakan denda untuk tiga kali pertama kesalahan dan Flitto.com akan menghantar emel amaran, mengurangkan jumlah poin, dan sekiranya kesalahan terus berlaku, Flitto.com akhirnya akan memadamkan keseluruhan akaun individu penterjemah.

Pengelasan penterjemahan profesional dan bukan profesional dalam konteks penterjemahan berasaskan khalayak

Pencirian profil penterjemah profesional dan bukan profesional di laman Flitto.com

Secara umumnya, penterjemah profesional didefinisikan sebagai pakar bahasa yang bertauliah (dari bidang terjemahan atau bidang yang relevan dengan linguistik) yang telah melalui pelbagai kursus teori terjemahan dan praktikal dalam menerapkan teknik terjemahan yang sesuai dalam bidang terjemahan (Gafiyatova dan Pomortseva 2016). Penterjemah profesional juga mampu menterjemah daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain, dapat mengekalkan kesetiaan kepada kandungan teks asal, mempunyai pengetahuan bahasa sumber

dan penguasaan bahasa sasaran yang baik selain mempunyai akreditasi dan tauliah untuk menterjemah (Canadian Translators, Terminologists and Interpreters Council n.d.). Selain itu, penterjemah profesional juga berkemungkinan mempunyai portfolio profesional yang kukuh (Dam dan Zethsen 2009). Penterjemah bukan profesional pula biasanya dicirikan sebagai individu yang tidak menjalani latihan profesional terjemahan, tidak “didoktrinasi” dengan norma profesion penterjemahan dan tidak patuh dengan tatacara/kaedah menterjemah yang sesuai (Pérez-González dan Susam-Saraeva 2012). Mereka juga lebih bebas memilih kandungan untuk diterjemah dan menentukan cara menerbitkannya tanpa kawalan kapitalis global, serta boleh melakukannya sebagai aktiviti riadah (Pérez-González dan Susam-Saraeva 2012). Walaupun begitu, penterjemah bukan profesional juga perlu melakukan kajian teliti serta perlu kreatif untuk menangani sesuatu terjemahan bagi teks yang diminatinya (Gile 2009).

Penterjemahan berasaskan khalayak ini turut akan melibatkan penyertaan penterjemah profesional dan bukan profesional. Penterjemah khalayak profesional dan bukan profesional yang dikaji terdiri daripada penterjemah khalayak yang mendaftar dengan platform Flitto.com. Fungsi pelabelan aras kompetensi dan sistem pengesyoran penterjemah menunjukkan Flitto.com mengamalkan sifat keterbukaan kepada semua penggunaannya tetapi dengan variasi ketetapan fungsi kawalan khalayak. Sistem dan fungsi yang diguna pakai di laman Flitto.com diatur dengan teliti dan sangat terkawal. Berdasarkan ketetapan dan kawalan yang termaktub di laman ini, profil penterjemah khalayak dapat dibahagikan kepada dua, iaitu penterjemah profesional dan penterjemah bukan profesional. Dalam konteks penterjemah khalayak Flitto.com, penterjemah profesional didefinisikan sebagai individu yang lulus ujian mudah padanan bahasa semasa pendaftaran akaun pasangan bahasa, mempunyai resume profesional serta layak menduduki ujian kompetensi tahap PRO yang ditetapkan. Penterjemah profesional dalam konteks ini juga berkemungkinan lulus ujian kompetensi tahap profesional, mempunyai ijazah pertama dalam bidang linguistik, atau mempunyai pengalaman terjemahan atau interpretasi di negara asal atau di negara tempat dia menetap, dan bertutur dalam bahasa asli negara tersebut selama sekurang-kurangnya lima tahun, serta disegani oleh komuniti penterjemah. Lencana PRO ini diperolehi berdasarkan ciri-ciri penterjemah yang ditentukan di profil penterjemah. Penterjemah bukan profesional pula dikategorikan sebagai individu yang lulus ujian mudah semasa mendaftar padanan bahasa yang dikehendaki serta memegang lencana aras 1 hingga 4 di platform ini. Penterjemah boleh memilih untuk melalui proses menaik taraf lencana dari semasa ke semasa.

Aras kompetensi penterjemah dan fungsian pengesyoran

Aras kompetensi penterjemah juga ditentukan melalui platform Flitto.com, bermula dengan aras 1 sehingga aras 4. Penterjemah khalayak boleh mencapai aras yang lebih tinggi jika mereka memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, diberi poin dan diberikan pengesyoran oleh penterjemah PRO Flitto.com. Ringkasan pengesyoran ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1. Paparan aras kompetensi penterjemah

Aras 0		Pengguna boleh menetapkan pasangan bahasa kepada tahap 0 namun tidak dibenarkan melakukan terjemahan.
Aras 1	*	Lulus ujian untuk pasangan bahasa. Boleh mengambil bahagian dalam terjemahan khalayak.
Aras 2	**	Memperoleh lebih daripada 20,000 poin dan 10 pengesyoran.
Aras 3	***	Memperoleh lebih daripada 100,000 poin dan 100 pengesyoran.
Aras 4	****	Memperoleh lebih daripada 500,000 poin dan 500 pengesyoran.

Sumber: https://www.flitto.com/faq#pro_translator (diakses pada 24 September 2019)

Sistem aras kompetensi ini spesifik kepada kompetensi satu pasangan bahasa sahaja pada sesuatu masa dan penterjemah perlu melalui proses menaik taraf yang sama jika mereka mahukan kompetensi pasangan bahasa lain mencapai aras yang lebih tinggi. Perubahan aras kompetensi ini dipantau oleh kumpulan pemantau Flitto.com secara insani (*manual*). Penterjemah PRO yang telah lulus ujian, memenuhi kriteria dan syarat kelayakan ketat yang telah ditetapkan oleh Flitto.com akan melakukan pengesyoran terhadap hasil terjemahan. Walaupun pemilihan pengirim tugas dipilih berdasarkan aras kompetensinya, pengesyoran penterjemah PRO masih diperlukan bagi tujuan jaminan kualiti. Penterjemah PRO juga disyaratkan untuk mematuhi garis panduan etika yang telah ditetapkan oleh platform ini. Ujian kompetensi PRO dikawal ketat oleh kumpulan profesional bahasa ibunda yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun. Pemahaman teks sumber, kemahiran tatabahasa, kelancaran pembacaan, kesilapan menaip/teknikal dan sebagainya adalah antara kriteria penilaian yang digunakan. Calon akan hilang kelayakan jika menggunakan terjemahan mesin atau melakukan penyuntingan hasil terjemahan mesin. Kegagalan memperoleh aras PRO ini menyebabkan calon hanya dibenarkan mengulangi ujian ini selepas tempoh enam bulan daripada ujian awal. Ringkasnya, dalam platform ini, penterjemah khalayak aras “PRO” dikira sebagai penterjemah profesional manakala penterjemah bukan profesional pula merupakan penterjemah khalayak pada aras 1 hingga aras 4 sahaja. Profil kedua-dua kategori penterjemah ini dapat dilihat seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Perbandingan profil ciri-ciri penterjemah khalayak Flitto.com

Profil penterjemah profesional	Profil penterjemah bukan profesional
<ul style="list-style-type: none"> • Lulus ujian mudah padanan bahasa untuk mendaftar. • Muat naik <i>resume</i> dan layak mengambil ujian kompetensi PRO. • Lulus ujian kompetensi PRO yang disemak oleh penterjemah penutur asli bahasa sasaran, atau • Mempunyai sekurang-kurangnya ijazah pertama dalam bidang Linguistik, atau • Mempunyai pengalaman terjemahan dan interpretasi selama lebih dua tahun ataupun menetap di negara penutur asli selama sekurang-kurangnya lima tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> • Lulus ujian mudah untuk pendaftaran padanan bahasa yang dikehendaki. • Pemegang lencana aras 1 hingga aras 4. • Ganjaran naik taraf aras kompetensi melalui salah satu cara: <ol style="list-style-type: none"> 1. Hasil terjemahan seringkali diterima dan diundi tertinggi. 2. Mengumpul bilangan poin yang mencukupi untuk aras yang berbeza. 3. Mendapat 10 pengesyoran daripada penterjemah PRO yang lain.

Sumber: https://www.flitto.com/faq#pro_translator (diakses pada 24 September 2019)

Kesimpulan

Menerusi makalah ini, tiga persoalan utama yang berkaitan dengan penterjemahan berasaskan khalayak telah dijawab. Pertama, maksud konsep penterjemahan berasaskan khalayak telah diperincikan. Kedua, maklumat tentang mekanisme dan pelaksanaan penterjemahan berasaskan khalayak telah dibincangkan dengan terperinci. Pemerhatian mendapati kaedah pemberian tugas bersumberkan khalayak adalah berbeza daripada tatacara penterjemahan konvensional kerana konsep *prosumption* diterapkan. Fungsi pengaturcaraan laman Flitto.com juga adalah berdasarkan model pendekatan komuniti khalayak terbuka, yang dilengkapi dengan fungsi tambahan kawalan khalayak, dan ketetapan denda, merupakan satu daripada mekanisme jaminan kualiti dalam platform ini. Hasil terjemahan juga disasarkan untuk memenuhi kehendak dan keperluan pembaca sasaran yang juga merupakan penterjemah khalayak, pengirim tugas, penerbit dan pembaca prof dalam tugas terjemahan ini. Akhir sekali, penulisan ini turut memperincikan perubahan konsep dan status penterjemah profesional dan bukan profesional oleh platform yang merupakan satu daripada ciri penting dalam penawaran khidmat dan pemberian sesuatu tugas terjemahan.

Secara umumnya, tatacara pelaksanaan kerja-kerja penterjemahan adalah sejajar dengan idea dalam model-model yang dicadangkan oleh Mesipuu (2010) dan Cronin (2013), dan sangat relevan dengan konteks pelaksanaan penterjemahan ini dalam platform yang lain. Ringkasnya, dapatan pemerhatian ini berjaya menjelaskan konsep dan pendekatan baharu dalam bidang penterjemahan,

dan sumbangan ini adalah besar memandangkan belum ada lagi penulisan yang pernah dibuat tentang pendekatan ini dalam konteks pembacaan, lantas meluaskan ruang lingkup ilmu penterjemahan di Malaysia. Kajian lanjutan yang berkaitan dengan penterjemahan berasaskan khalayak juga boleh mengguna pakai idea yang telah dikemukakan oleh kedua-dua sarjana ini, dan tentu sekali dengan tambahan idea dan pendekatan lain yang lebih baharu dan semasa.

Bibliografi

- Aghaei, S., Nematbakhsh, M.A. and Farsani, H.K. 2012. Evolution of the World Wide Web: From Web 1.0 to Web 4.0. *International Journal of Web and Semantic Technology* 3(1): 1–10. <https://doi.org/10.5121/ijwest.2012.3101>
- Anastasiou, D. and Gupta, R. 2011. Comparison of crowdsourcing translation with Machine Translation. *Journal of Information Science* 37(6): 637–659. <https://doi.org/10.1177/0165551511418760>
- Brems, E., Meylaert, R. and van Doorslaer, L. 2012. Looking back and looking forward: An introduction. *Target* 24(1) The known unknowns of translation studies: 1–14. <https://doi.org/10.1075/target.24.1.01bre>
- Canadian Translators, Terminologists and Interpreters Council. n.d. Homepage. Retrieved from <http://www.cttic.org/> (accessed 12 May 2019).
- Choudhury, N. 2014. World Wide Web and its journey from Web 1.0 to Web 4.0. *International Journal of Computer Science and Information Technologies* 5(6): 8096–8100.
- Coelho, L.M.R. and Fujihara, Á.K. 2010. Textual genres on discourse analysis and translation functionalism. Retrieved from <http://filcat.uab.cat/clt/XXIVAJL/Interlinguistica/Encuentro%20XXIV/Real&Kasuaki%20REVF.pdf> (accessed 5 June 2019)
- Costales, A.F. 2013. Crowdsourcing and collaborative translation: Mass phenomena or silent threat to translation studies? *Hermeneus* 15: 85–110.
- Cronin, M. 2013. *Translation in the digital age*. Oxon/New York: Routledge.
- Dam, H.V. and Zethsen, K.K. 2009. Translators and (lack of) power: A study of Danish company translators' occupational status. *Language at Work – Bridging Theory and Practice* 4(6): 1–7. <https://doi.org/10.7146/law.v4i6.6189>
- DePalma, D.A. and Kelly, N. 2008. *Translation of, for, and by the people: How user-translated content projects work in real life*. Massachusetts: Common Sense Advisory.
- Dolmaya, J.M. 2015. Compte rendu de [Cronin, Michael (2013): *Translation in the Digital Age*. New York: Routledge, 176 p.]. *Meta* 60(1): 204–205. <https://doi.org/10.7202/1032410ar>
- _____. 2011. The ethics of crowdsourcing. *Linguistica Antverpiensia, New Series – Themes in Translation Studies* 10: 97–110.
- Drugan, J. 2013. *Quality in professional translation: Assessment and improvement*. London/New York: Bloomsbury.

- Esfandiari, M.R., Sepora, T. and Mahadi, T. 2015. Translation competence: Aging towards modern views. *Procedia – Social and Behavioral Sciences* 192: 44–53. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.06.007>
- Flanagan, M. 2016. Cause for concern? Attitudes towards translation crowdsourcing in professional translators' blogs. *The Journal of Specialized Translation* 25: 149–173.
- Flitto Inc. (n.d.). Flitto terms and conditions. Retrieved from https://www.flitto.com/terms_group?lang_id=undefined#go_to_service (accessed 10 September 2020).
- Gafiyatova, V.E. and Pomortseva, N.P. 2016. The role of background knowledge in building the translation/interpreting competence of the linguist. *Indian Journal of Science and Technology* 9(16): 1–11. <https://dx.doi.org/10.17485/ijst/2016/v9i16/89999>
- Gile, D. 2009. *Basic concepts and models for interpreter and translator training*. Rev. Ed. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Goto, S. 2013. Using crowdsourcing for evaluation of translation quality. MSc diss., Kyoto University.
- Hessellund, L.T. 2014. A study of Danish and Dutch user-translators on Facebook. MA diss., Aarhus University.
- Hope, B. and Wright, T. 2018. *Billion dollar whale: The man who fooled Wall Street, Hollywood, and the world*. New York: Hachette Books.
- Howe, J. 2006. The rise of crowdsourcing. *Wired Magazine*, Issue 14.06, June. Retrieved from http://www.wired.com/wired/archive/14.06/crowds_pr.html (accessed 18 January 2019).
- Intenseclick Team. 2018. Web 2.0: What is it? How it works and its advantages? Retrieved from <https://www.intenseclick.com/web-2-0-works-and-advantages/> (accessed 18 January 2019).
- Internet World Stats. 2019. Internet World Stats 2019: Usage and population statistics. Retrieved from <https://www.internetworldstats.com/G20.htm> (accessed 18 January 2019).
- Jiménez-Crespo, M.A. 2018. Crowdsourcing and translation quality: Novel approaches in the language industry and translation studies. In *Translation quality assessment*, eds. J. Moorkens, S. Castilho, F. Gaspari and S. Doherty, 69–93. Cham, Switzerland: Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-319-91241-7_4
- Kelly, N., Ray, R. and DePalma, D.A. 2011. From crawling to sprinting: Community translation goes mainstream. *Linguistica Antverpiensia, New Series – Themes in Translation Studies (Online)* 10: 75–94. <https://doi.org/10.52034/lanstts.v10i.278>
- Lytras, M.D. and de Pablos, P.O., eds. 2009. *Social web evolution: Integrating semantic applications and Web 2.0 technologies*. Hershey, PA: Information Science Reference.
- Mesipuu, M. 2012. Translation crowdsourcing and user-translator motivation at Facebook and Skype. *Translation Spaces* 1: 33–53. <https://doi.org/10.1075/ts.1.1.03mes>
- _____. 2010. Translation crowdsourcing: An insight into hows and whys (at the example of Facebook and Skype). MA diss., Talin University.
- Munday, J. and Zhang, M., eds. 2017. *Discourse analysis in translation studies*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.

- Naik, U. and Shivalingaiah, D. 2009. Comparative study of Web 1.0, Web 2.0 and Web 3.0. Paper presented at the 6th International CALIBER 2008, University of Allahabad, Allahabad, India, 28 February–1 March. <https://doi.org/10.13140/2.1.2287.2961>
- O'Brien, S. 2011. Collaborative translation. In *Handbook of translation studies*, eds. Y. Gambier and L. van Doorslaer, Vol. 2, 17–20. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company. <https://doi.org/10.1075/hts.2.col1>
- O'Hagan, M. 2016. Massively open translation: Unpacking the relationship between technology and translation in the 21st century. *International Journal of Communication* 10: 929–946
- _____. 2009. Evolution of user-generated translation: Fansubs, translation hacking and crowdsourcing. *The Journal of Internationalization and Localization* 1(1): 94–121. <https://doi.org/10.1075/jial.1.04hag>
- O'Reilly, T. and Battelle, J. 2009. Web squared: Web 2.0 five years on. Special report, Web 2.0 summit. Retrieved from https://www.kimchristen.com/wp-content/uploads/2015/07/web2009_websquared-whitepaper.pdf (accessed 18 January 2019).
- Pascoal, S.C., Furtado, M. and Chorão, G. 2017. Crowdsourcing translation and the threats/challenges to the profession: A Portuguese translator's survey. *Current Trends in Translation Teaching and Learning E* 4: 229–263.
- Pérez-González, L. and Susam-Saraeva, Ş. 2012. Non-professionals translating and interpreting: Participatory and engaged perspectives. *The Translator* 18(2): 149–165.
- Perrino, S. 2009. User-generated translation: The future of translation in a Web 2.0 environment. *The Journal of Specialized Translation* 12: 55–78.
- Raído, V.E. 2016. Translators as adaptive experts in a flat world: From Globalization 1.0 to Globalization 4.0? *International Journal of Communication* 10: 970–988.
- Ray, R. and Lommel, A. 2009. *Crowdsourcing: Crowd wants to help you reach new markets*. Romainmôtier, Switzerland: Localization Industry Standards Association.
- Reiss, K. 1981. Type, kind and individuality of text: Decision making in translation. *Poetics Today* 2(4): 121. <https://doi.org/10.2307/1772491>
- Reiss, K. and Vermeer, H.J. 1984. *Towards a general theory of translational action: Skopos theory explained*. Manchester, UK: St. Jerome Publishing.
- Reiss, K., Vermeer, H.J., Nord, C. and Dudenhöfer, M. 2013. *Towards a general theory of translational action: Skopos theory explained*. 2nd Ed. Manchester, UK: St. Jerome Publishing.
- Ritzer, G. and Jurgenson, N. 2010. Production, consumption, prosumption: The nature of capitalism in the age of the digital “prosumer”. *Journal of Consumer Culture* 10(1): 13–36. <https://doi.org/10.1177/1469540509354673>
- Rogl, R. 2016. No work and all play: The intersections between labour, fun and exploitation in online translation communities. *European Journal of Applied Linguistics* 4(1): 117–138. <https://doi.org/10.1515/eujal-2015-0022>
- Sosoni, V. 2017. Casting some light on experts' experience with translation crowdsourcing. *The Journal of Specialized Translation* 28: 362–384.

- Tan, G.E. 2018. Tom Wright: “Writing ‘Billion Dollar Whale’ has been the highlight of my career”. *Options*, 24 October. Retrieved from <http://www.optionstheedge.com/topic/culture/tom-wright-writing-billion-dollar-whale-has-been-highlight-my-career> (accessed 15 December 2018).
- Zodian, Ş.A. 2017. Digital prosumption. The android case. In *EpSBS – Volume 20 – icCSBs 2017*, 144–161. Brno, Czech Republic: Future Academy. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2017.01.02.16>